

- (ii) Nilai Bersih Pelarasan Jumlah Harga Kontrak Asal;
- (iii) Potongan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan, yang dikenakan terhadap Kontraktor Asal;
- (iv) Bayaran-bayaran lain yang dibenarkan di dalam Kontrak.

12.6.3 Bayaran Akibat Penamatan mengikut tatacara yang diperuntukan di bawah Klausa 50¹⁷ atau 52¹⁸.

- (a) Sekiranya kontrak ditamatkan di bawah klausa-klausa ini, baki kerja yang perlu dibayar kepada Kontraktor-meliputi perkara-perkara berikut :
 - (i) Nilai keseluruhan kerja yang telah dilaksanakan sehingga tarikh penamatan.
 - (ii) Jumlah yang kena dibayar yang berkaitan dengan kerja-kerja awalan atau Kerja atau perkhidmatan yang telah dilaksanakan dengan sempurna boleh dibayar mengikut nisbah yang munasabah
 - (iii) Kos bahan-bahan atau barang-barang yang ditempah dengan munasabah bagi kerja ini yang telah dihantar kepada Kontraktor atau yang mana Kontraktor bertanggungjawab menerima penghantaran tersebut (bahan-bahan atau barang-barang tersebut akan menjadi hak Kerajaan setelah bayaran dibuat kepada Kontraktor).
 - (iv) Suatu amaun bagi sebarang perbelanjaan yang ditanggung oleh Kontraktor di dalam menyiapkan keseluruhan Kerja selagi perbelanjaan tersebut belum dibayar melalui mana-mana bayaran berdasarkan sub-klausa ini.

¹⁷ P.W.D Form 203/203A (Rev. 2007) – Suspension Of Works

¹⁸ P.W.D Form 203/203A (Rev. 2007) – Termination Of National Interest